

24 JUN 1999

KU LI TIDAK GUNA PENGARUH ISTANA

PASIR MAS, 24 Jun (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau tidak akan menggunakan pengaruh istana untuk memperkuat Umno Kelantan.

Katanya, bagaimanapun beliau tidak boleh dipisahkan dengan istana kerana beliau sendiri berketurunan raja.

"Saya tak akan guna kuasa istana, saya dengan parti saya, saya dengan perjuangan saya," katanya kepada pemberita selepas majlis kesyukuran di Sekolah Menengah Tok Uban di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh berkata dari segi kekeluargaan juga beliau tidak dapat memisahkan diri dengan pihak istana.

Katanya kalau ada yang mengatakan bahawa beliau hendak menggunakan pengaruh istana itu bermakna mereka takut.

"Politik saya, saya punya hallah, ada pernah yang kata saya nak guna istana," katanya.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang dilantik mempengerusi Umno Kelantan menggantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyandang jawatan itu selama 10 tahun.

-- BERNAMA

MNR zb